



BULETIN UNIT KESEDARAN JAS PAHANG 2018


www.doe.gov.com.my



@jabatanalamsekitar



jabatan alam sekitar





Program Kesedaran Dan Pendidikan Alam Sekitar

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta memperjelaskan bahawa penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama, sesuai dengan slogan 'Pemuliharaan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Bersama'.



Program Rakan Alam Sekitar




Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 dan sehingga kini program RAS bergerak aktif di seluruh Malaysia. Program dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran alam sekitar kepada setiap lapisan masyarakat. Secara tidak langsung, masyarakat akan dapat menanam rasa tangungjawab untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar di samping menjadi mata dan telinga bagi Jabatan Alam Sekitar. Program RAS juga ditubuhkan bagi menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat untuk membuat aduan atau memberi pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan tempatan yang berkenaan.

Penyertaan orang ramai sebagai ahli RAS adalah amat dihargai. Pendaftaran juga boleh dilakukan secara online di <http://ras.doe.gov.my/protal>. Pendaftaran adalah percuma dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Rajah 31 menunjukkan peratus keahlian ahli RAS mengikut Daerah.

KEAHLIAN RAS JAS PAHANG 2018 (%)

Rajah 31 : Peratus Ahli RAS di Negeri Pahang Mengikut Daerah dari 01 Jan 2018 hingga 31 Dis 2018




PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)

Pendaftaran Ahli
Rakan Alam
Sekitar



Terdapat pelbagai program yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk menambah keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) Negeri Pahang. Antaranya adalah :

BILANGAN KEMEN KESEDARAN DAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR



Kempen Dan Pendidikan Alam Sekitar

Pelbagai kempen kesedaran alam sekitar seperti ceramah di peringkat sekolah, industri, pengajian tinggi, pameran, seminar dan taklimat serta kem kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan memelihara alam sekitar. Berikut bilangan program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018.



Kem Kesedaran Alam Sekitar bersama
Kelab KKS Negeri Pahang di Janda
Baik Pada 26 & 27 Februari 2018

Kem Kesedaran Alam Sekitar Bersama
Pelajar Sekolah Menengah Negeri Pahang
di Tasik Chini Pada 03 hingga 05 Julai
2018





Ceramah Kesedaran Alam Sekitar kepada pihak industri





Antara aktiviti
pameran kesedaran
alam sekitar
Jabatan Alam
Sekitar Negeri
Pahang sepanjang
tahun 2018



Program Sambutan Hari Bumi



Sambutan Hari Bumi disambut di seluruh dunia pada 22 April setiap tahun sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Sambutan pertama telah berlangsung pada tahun 1970. Tema pada tahun 2018 adalah "End plastic pollution". Susulan dari itu, pelbagai aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar dianjurkan oleh setiap organisasi pada setiap tahun di seluruh dunia. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang dengan kerjasama TDK Lambda telah melaksanakan program sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Pahang pada 21 April 2018 bertempat di Kg. Kuala Kenau, Sg. Lembing, Pahang. Antara aktiviti utama program ini adalah kembara air terjun Pelangi, Pameran Alam Sekitar, pertandingan mewarna bagi Tabika dan ceramah yang bertemakan alam sekitar. Kerjasama semua pihak dalam menjayakan program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.



Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (Wed) 2018

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun bertujuan untuk membangkitkan kesedaran mengenai alam sekitar dan menarik perhatian politik dan tindakan awam. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia bagi tahun 2018 bertemakan “Beat Plastic Pollution”. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang telah menganjurkan temasya sukan zon timur dengan kerjasama JAS Terengganu dan JAS Kelantan bertempat di kompleks sukan UIAM Kuantan pada 10 hingga 12 Mei 2018. Antara sukan yang dipertandingkan ialah futsal, badminton, bola tampar, bola jaring, dart, dam haji, congkak, ping-pong dan sukaneka.



Pertandingan swafoto di
RTM, Pahang pada 13
Oktober 2018



Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (Hasn)

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan acara tahunan anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang yang disambut untuk meningkatkan dan menyemai kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia. Sambutan HASN Peringkat Negeri Pahang ke – 27 telah diadakan pada 13 Oktober 2018 bertempat di RTM, Pahang. Pelbagai aktiviti telah berlangsung sepanjang bulan sambutan HASN ini antaranya :



Pertandingan mewarna bersama pelajar sekolah di RTM, Pahang pada 13 Oktober 2018





Program kembara air terjun Terapai bersama pelajar IPTA pada 20 Oktober 2018





Pertandingan Kuiz Alam Sekitar Kategori Sekolah Menengah Peringkat Negeri Pahang anjuran Jabatan Alam Sekitar Pahang dengan kerjasama Kelab Alam Sekitar Kilang Kelapa Sawit Pahang pada 03 hingga 05 Julai 2018 bertempat di Dewan Serbaguna Kg. Salong, Pekan.





**Slot temubual di Radio RTM, Pahang bersama Pengarah Jabatan
Alam Sekitar Negeri Pahang pada 13 September 2018**






Sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada 13 Oktober 2018 bertempat di RTM, Pahang




Latihan Industri

Jabatan Alam Sekitar juga menyediakan peluang kepada pelajar – pelajar dari pusat pengajian tinggi kerajaan dan swasta ditempatkan di Jabatan Alam Sekitar untuk menjalani latihan industri. Pelajar – pelajar ini didedahkan tentang pelaksanaan kerja – kerja penguatkuasaan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan – peraturan di bawahnya serta program pengawasan alam sekitar.

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang telah menerima seramai 10 orang pelajar, cawangan Gebeng 5 orang, cawangan Rompin 1 orang, cawangan Temerloh 9 orang dan cawangan Cameron Highlands 6 orang dari pelbagai Institut Pengajian Tinggi bagi menjalani sesi latihan industri sebagai persediaan secara praktikal berkaitan pengurusan alam sekitar. Berikut senarai pelajar mengikut universiti dan kursus yang diambil:



Pecahan Pelajar Mengikut Kursus



- Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan Kimia
- Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Persekitaran
- Ijazah Sarjana Muda Awam dan alam Sekitar
- Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia
- Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan Bioproses
- Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan Alam Sekitar
- Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan Geografi
- Diploma Kejuruteraan Kimia Teknologi Proses
- Diploma Kejuruteraan Kimia
- Diploma Kejuruteraan Kimia Teknologi Alam Sekitar
- Diploma Sains Gunaan



Perkhidmatan Perpustakaan JAS

Perpustakaan JAS Negeri Pahang berfungsi sebagai pusat rujukan kepada kakitangan JAS dan orang awam yang berdaftar. Sehingga 31 Disember 2018, perpustakaan JAS Pahang memiliki sebanyak 2139 buah buku. Antara bahan rujukan yang disediakan adalah :

- Buku – buku perundangan termasuk AKAS 1974
- Laporan tahunan Jabatan Alam Sekitar dan Agensi – agensi
- Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) Negeri Pahang
- Buku Teknologi Kejuruteraan Alam Sekitar Dan Pengurusan Alam Sekitar, dan
- Risalah, Buletin, Majalah dari agensi – agensi kerajaan dan swasta



**Perpustakaan ini boleh
dikunjungi oleh semua pihak
sama ada pelajar institusi
pengajian tinggi dan
perunding. Maklumat yang
berkaitan dengan alam
sekitar juga boleh di capai di
laman sesawang**

<http://lib.doe.gov.my/>



Laporan Tahunan

Laporan tahunan diterbitkan sebagai salah satu kaedah menyampaikan maklumat tentang pengurusan alam sekitar, kerja – kerja penguatkuasaan dan pengawasan kualiti alam sekitar sepanjang tahun. Di samping itu, statistik tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran dan input pembangunan juga dilaporkan dalam laporan ini. Dengan ini, pihak yang berkaitan dapat memunafaatkan maklumat yang dikongsikan sebagai rujukan dalam membuat penilaian dan keputusan bagi memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar diambil kira.

Perkhidmatan Kesedaran Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang mengalu – alukan mana – mana pihak yang berminat untuk berkerjasama dengan pihak jabatan dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar. Jabatan ini menawarkan kemudahan – kemudahan berikut untuk dipinjamkan:

- Bahan Pameran Berkaitan Isu – Isu Alam Sekitar
- Modul, fasilitator dan penceramah untuk Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)
- Poster Dan Risalah Berkaitan Alam Sekitar dan lain – lain.

Sebarang pertanyaan berkenaan boleh menghubungi Unit Pendidikan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang ditalian 09 – 5730636.